

Malaysia destinasi sempurna pelabur Qatar: PM

BH-13/12/2019 m/s: 2

Doha: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yakin Malaysia adalah destinasi sempurna untuk pelabur Qatar.

Beliau berkata, Malaysia juga boleh menjadi 'jambatan' bagi mencapai pasaran yang lebih luas di wilayah ASEAN

"Kami juga percaya terdapat pe-

luang yang lebih luas untuk diterokai ahli perniagaan Malaysia di negara ini.

"Ketika ini syarikat Malaysia yang berada di sini adalah Gamuda, UEM, Eversendai, Holiday Villa dan Malaysia Airports," katanya ketika mesyuarat meja bulat dengan pemimpin industri di

Qatar, semalam.

Dr Mahathir berkata Malaysia mengekalkan ekonomi yang stabil dengan purata Keluaran Dalam Negeri Kasar yang berkembang kepada 4.6 peratus dalam tiga suku pertama tahun ini.

"Dengan ekonomi asas yang kukuh, Malaysia terus menarik pelaburan langsung asing," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengalu-alukan syarikat dari negara ini untuk merebut peluang perniagaan di Malaysia.

Katanya, antara bidang yang boleh diterokai adalah minyak dan gas, kimia dan produk kimia, bi-

Saya yakin pelabur Qatar akan mendapati Malaysia adalah pangkalan yang menarik untuk mengembangkan operasi luar negara mereka.

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

industri halal, hotel dan pelancongan serta perbankan dan kewangan Islam.

"Kami dapati hanya ada segeintir pelaburan dari Qatar di Malaysia ketika ini.

"Saya yakin pelabur Qatar akan mendapati Malaysia adalah pangkalan yang menarik untuk mengembangkan operasi luar negara mereka," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat meja bulat yang diadakan di sini adalah acara yang baik untuk kedua-dua pihak berbincang untuk melakukan kerjasama dalam perniagaan.



Dr Mahathir bersama Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dan Pengerusi Dewan Perniagaan Qatar, Sheikh Khalifa Jassim Al-Thani (dua dari kanan) hadir pada Mesyuarat Meja Bulat dengan pemimpin Industri Qatar di Doha, semalam.

(Foto BERNAMA)